



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 34 | Julai 2024 - Muharram 1446H

Keberkatan Gaji



فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

"Apabila sudah menunaikan solat (Jumaat), maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."

(Surah al-Jumu'ah : 10)



Menurut al-Qurtubi, ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menyeru manusia apabila selesai solat, maka bergeraklah kamu untuk (bekerja) dengan berniaga dan mengurus keperluan seharian.



Al-Suyuti pada kalimah **"carilah"** menunjukkan manusia diseru mencari rezeki.

عَنْ عَمْرَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ بْنِ أَبِي ضِرَارٍ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «إِنَّ الدُّنْيَا خُلُوةٌ خَصْرَةٌ، فَمَنْ أَصَابَ شَيْئًا مِنْ حِلِّهِ فَذَاكَ الَّذِي يُبَارَكُ لَهُ فِيهِ»

أَخْرَجَهُ الضَّرَائِي

Daripada Umrah Binti al-Harith R.A bin Abi Dhirar berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya dunia itu indah dan menghipnotis, Siapa yang mengambil salah satu daripadanya (dunia) dengan betul (halal), maka itulah yang memberkatinya..."

[Riwayat at-Tobarani]

- Imam al-Razi menyatakan "Siapa yakin (cukup) dengan apa yang dia dapat, Allah akan cukupkan apa yang penting/mustahak baginya."
- Imam al-Nawawi menjelaskan yang dimaksudkan "rezekinya dimudahkan" iaitu diluaskan dan dijadikan banyak hartanya, dan menurut pendapat yang lain, ertinya adalah diberi keberkatan harta (meskipun secara lahiriah, harta tidak bertambah banyak).

Kenapa Gaji tidak Berkat?

Wahai sekalian kaum Muhajirin, ada lima hal yang jika kamu terjatuh ke dalamnya dan aku berlindung kepada Allah supaya kamu tidak menjumpainya iaitu pertama berbuat maksiat, kedua menipu/curi tulang, ketiga mengambil hak orang lain, keempat tidak berintegriti dan kelima menolak hukum Syariah.

[Direkodkan Ibnu Majah]

Jika kamu bertaubat kepada Allah serta memohon ampun kepada-Nya dan taat kepada-Nya nescaya Dia akan melapangkan rezekimu. memberimu minum dari nikmat langit.

Diterbitkan oleh Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Selangor